



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL LIMBANG

HOSPITAL LIMBANG



hosp_limbang@moh.gov.my



085-211200



Hospital Limbang



[hospital_limbang](https://www.tiktok.com/hospital_limbang)

BICARA KENYALANG

JULAI - DISEMBER 2023

EDISI KE - 4

**AKTIVITI/
PROGRAM**

**COLOR RACE &
RUN/WALK LIMBANG
2023**

PERISTIWA

**LAPORAN
PENCAPAIAN
HOSPITAL
PERFORMANCE (HPIA)
2023**

KARYA

EXPERIENCE





KANDUNGAN EDISI 4

MUKA SURAT 5

AKTIVITI/PROGRAM

Aktiviti/Program yang diadakan di Hospital Limbang.

MUKA SURAT 15

PERISTIWA

Pelbagai peristiwa yang berlaku di sekitar Hospital Limbang

MUKA SURAT 25

KARYA

Hasil karya oleh staf Hospital Limbang

SIDANG EDITOR:

FAUZIAH BT. MARZUKI
SITI NUR ELIANE SURIANE
WEBBER SIGO
JULIANA PUASA
REBEKKA IKOK
SUPARDI B. JALUDIN
MAZLAN B. ANUAR
GOH SOON HOON
RACHEL AK. ROSLAN
CHRISTINA EMPALING
SUERAYANI BT. GALINI
SITI SOBARIAH BT. MOHD SAUFE
SYAFIQ WADI B. SOBTU

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnianya dapat kita bertemu sekali lagi dalam Bicara Kenyalang, Buletin Hospital Limbang Edisi Ke-4. Bicara Kenyalang menjadi wacana penyampaian kemajuan & perkembangan di Hospital Limbang kepada masyarakat & warga KKM sendiri. Hospital Limbang walaupun dari segi infrastrukturnya tidak banyak perubahan drastik namun dari segi perkhidmatan telah mengorak langkah seiring dengan Hospital Pakar KKM yang lain. Hospital yang kelihatan serba kekurangan ini pasti ada yang terkejut apabila saya menyatakan lapan (8) kepakaran telah bertapak sepenuh masa di Hospital Limbang. Siapa sangka sebuah hospital daerah di kawasan yang terperangkap antara Brunei ini akan memperluaskan perkhidmatannya kepada lapan (8) bidang kepakaran. Perluasan perkhidmatan ini lebih bermakna kerana perkhidmatan kepakaran ini telah dibawa ke Hospital Limbang tanpa menunggu pelan pembangunan bangunan baru Hospital Limbang disiapkan. Hal ini kerana Pihak KKM, JKN Sarawak & Hospital sentiasa peka pada keluhan & keperluan masyarakat Limbang. Walaupun staf tidak mencukupi & infrastruktur belum mampu menampung keperluan Hospital Pakar, servis tetap diperkembangkan demi kesejahteraan masyarakat Limbang. Ribuan terima kasih kepada semua warga kerja Hospital Limbang yang sentiasa bersemangat & berdedikasi dalam mengembangkan servis kepakaran kepada masyarakat Limbang. Tidak dapat dinafikan mereka juga penat & tidak cukup rehat namun amanah yang diberikan dipikul sepenuhnya.

Hospital Limbang juga tidak lagi serik di kalangan 149 buah Hospital KKM. Namanya tidak asing lagi apabila advokasi Hospital Limbang disebar dengan giat melalui pelbagai medium seperti media masa & buletin ini sendiri. Hospital Limbang juga sering dikunjungi barisan *Subject Matter Expert* (SME) bagi mendalami isu & keperluan Hospital Limbang. Bahagian Perancangan KKM Bersama JKN Sarawak telah membuat lawatan kerja bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Bangunan Tambahan Hospital Limbang di bawah Perjanjian MA63. Syukur ke hadrat ilahi apabila kerja awalan naik taraf Hospital Limbang diluluskan di bawah *ROLLING PLAN 4* Rancangan Malaysia ke-12 (RP4 RMKe-12). Kelulusan kerja awalan ini menggambarkan KKM serta JKN Sarawak sentiasa peka & keperluan di Hospital Limbang senantiasa mendapat perhatian khas. Bangunan baru Hospital Limbang ini sebuah penantian yang dinantikan sekian lama oleh masyarakat & warga kerja Hospital Limbang. *Statement of Need* (SON) & *Medical Brief of Requirement* (MBOR) untuk bangunan baru sedang giat diperhalusi supaya keperluan Hospital Limbang yang memasuki Kategori Hospital Pakar Major dapat dipenuhi.

Tahun 2023 juga sebuah pengalaman manis apabila Pengarah Hospital Limbang dipilih oleh KKM & Bahagian Perkembangan Perubatan untuk turut mewakili MOH dalam Persidangan *Hospital Management of Asia 2023*. Malahan pada tahun lepas juga julung kali HPIA Hospital Limbang berjaya dipertingkatkan kepada empat (4) bintang bagi kategori Hospital Pakar Minor. Semangat jati diri kami sebagai warga KKM di Hospital Limbang tidak pernah pudar & terus beristiqamah dalam menginspirasi cogan kata " Kami Sedia Membantu".

Sebelum mengundur diri izinkan saya untuk mengucapkan syabas & tahniah pada barisan sidang redaksi Hospital Limbang. Hasil kesungguhan yang tidak berbelah bahagi sidang redaksi Hospital Limbang telah menzahirkan Buletin Limbang Edisi Ke-4. Syabas & Tahniah! #HospitalLimbangHospitalBerwawasan

Dari Kota hingga ke Kampung,
Negeraku Malaysia terbentang luas,
Hidup di sempadan cabaran mengunung,
Semangat anak Malaysia tidak pernah tewas.

Sekian wabillahitaufiq wabaraktu

Dr Syed Satahkatulah Bin Mohamed Kalik,
M.D(CSMU,UKRAINE) M.H.A(CPH, UP MANILA PHILIPPINES)
Pengaroh Hospital UD54
Hospital Limbang, Sarawak



UTUSAN KETUA EDITOR

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penayang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

Alhamdulillah dengan rahmat Allah, Buletin Hospital Limbang Edisi ke-4 telahpun berjaya diterbitkan oleh sidang redaksi Hospital Limbang. Dengan perkembangan bidang perubatan dan kepakaran yang ada pada hari ini sebanyak lapan (8) kepakaran pelbagai perubahan dan cabaran telah ditempuhi oleh seluruh staf Hospital Limbang khususnya dalam memberikan perkhidmatan perubatan yang terbaik kepada seluruh masyarakat di Limbang. Walau pun pelbagai kekangan terpaksa ditempuhi, namun Hospital Limbang tetap berusaha menyampaikan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua. Justeru itu, buletin ini diterbitkan bagi menyampaikan dan berkongsi kepada semua perkhidmatan dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh seluruh warga Hospital Limbang.

Berbekalkan rasa tanggungjawab dan kerjasama yang erat, unit-unit di Hospital Limbang telah berjaya melaksanakan tugas-tugas mereka dengan baik meski pun kemudahan infrastruktur agak terhad. Semua ini dapat dicapai dengan berpegang kepada kata pepatah 'di mana ada kemahuan, di situ ada jalan'. Dengan semangat inilah pelbagai perubahan dapat dilihat pada hari ini selain pelbagai aktiviti dilaksanakan bersama agensi dalam dan luar jabatan.

Akhir kalam, saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya ada kekhilafan yang dilakukan sepanjang proses penerbitan Buletin Hospital Edisi ke-4. Jutaan terima kasih dan sekalung tahniah buat semua ahli sidang redaksi dan seluruh warga Hospital Limbang yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga buletin ini berjaya diterbitkan.

Sekian.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Ketua Editor:

Fauziah bt. Marzuki

AKTIVITI/PROGRAM

COMEL 1.0 SMK SERI PATIAMBUN LIMBANG (24/7/2023)



Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental Hospital Limbang mengadakan Program 'Community Mental Health Literacy 1.0 (COMEL)' untuk pelajar Tingkatan 5 di SMK Seri Patiambun, Limbang pada 24 Julai 2023. Acara ini dihadiri oleh 180 orang pelajar yang akan menghadapi SPM serta beberapa orang guru dari sekolah tersebut. Selain ceramah kesihatan mental, program ini juga mencakupi aktiviti seperti 'Orang Mahjong' dan 'Kotak Beracun'. Pelaksanaan Program COMEL oleh Jabatan Psikiatri dengan harapan dapat meningkatkan kesedaran awal mengenai kesihatan mental di kalangan pelajar.



BENGGKEL PENINGKATAN KUALITI PENYEDIAAN SLAID BFMP SESI 2023 (8, 15, 22, 29 OGOS 2023)



Unit Makmal Patologi dan Perkhidmatan Transfusi Darah telah menganjurkan Bengkel Peningkatan Kualiti Penyediaan Slaid BFMP pada 8,15,22 dan 29 Ogos 2023. Bengkel ini telah disertai oleh 32 kakitangan Hospital Limbang yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan unit bertugas. Pengisian bengkel ini merangkumi teori dan teknik praktikal penyediaan slaid BFMP. Tujuan bengkel ini diadakan bagi meningkatkan kualiti slaid BFMP yang dihantar ke Makmal Patologi bagi menambahbaik Laporan EQA *In-House* yang dikeluarkan oleh Unit Vektor, Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang.

AKTIVITI/PROGRAM

**KURSUS 'MEDICATION SAFETY'
(15 OGOS 2023)**



**BENKEL PENGUKUHAN MIKROSKOPIK MALARIA DAN FILARIA
(12 SEPTEMBER - 6 OKTOBER 2023)**

Pada 12 September – 6 Oktober, Makmal Patologi dan Perkhidmatan Transfusi Darah telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Mikroskopik Malaria dan Filaria Sesi 2023. Bengkel ini diwajibkan kepada semua Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) Hospital Limbang. Fasilitator bengkel ini merupakan pegawai daripada Unit Vektor Pejabat Kesihatan Limbang iaitu Pn. Siti Nurashimah Binti Abdullah Sani. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan semua JTMP yang melakukan bacaan mikroskopik sentiasa mengekalkan tahap kompetensi yang mantap dari segi identifikasi dan pengiraan parasite untuk mengelakkan kejadian salah pelaporan keputusan ujian Malaria & Filaria. Modul bengkel ini merangkumi teori, praktikal dan ujian penilaian pre dan post bengkel bagi mengukur pencapaian setiap peserta bengkel.



Penyampaian token penghargaan kepada fasilitator Pn Siti Nurashimah, PKB Limbang



Penyampaian hadiah kepada peserta terbaik bengkel, Pn Erlinawati, JTMP U29

AKTIVITI/PROGRAM

PROJEK INOVASI HOSPITAL LIMBANG 2023
(19 SEPTEMBER 2023)



Pertandingan Inovasi Peringkat Hospital Limbang anjuran Unit Kualiti telahpun diadakan pada 15 March 2023. Keputusan pertandingan dan penyampaian Hadaiah bagi pemenang telah pun disampaikan kepada semua peserta pada 19 September 2023 oleh Timbalan Pengarah Hospital Limbang Dr. Nurain bt. Yahya.



Tempat Ketiga
Makmal Patologi Dan
Perkhidmatan Transfusi
Darah



Johan
Klinik Pakar



Naib Johan
Jabatan Farmasi



SAGUHATI
Unit Radiology



Saguhati
Unit O&G Department



Saguhati
Unit Haemodialysis



Saguhati
Unit Kawalan Infeksi
Unit Kejuruteraan



Saguhati
Unit Fisioterapi



Saguhati
Unit Sajjan



Saguhati
Seksyen Pengurusan



Saguhati
Unit Dewan Bedah Dan
Unit CSSU



Saguhati
Unit Pediatrik

AKTIVITI/PROGRAM



COLOR RACE (23 SEPTEMBER 2023)

Pada 23 September 2023, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental Hospital Limbang bersama Jawatankuasa Kelab Sosial dan Rekreasi Hospital Limbang serta Unit Promosi Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang telah menganjurkan 'Color Race & Run/Walk Limbang 2023' dalam menyambut Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia dan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Acara ini turut mendapat sokongan daripada Sports Gallery dan Penganjur Pesta Kebudayaan Tiong Hua. Dengan tema '*Creating Hope Through Action*' dan '*Mental Health is a Universal Human Right*' penyertaan yang melebihi 300 orang peserta, menandakan aktiviti ini berjaya menjangkau masyarakat Limbang dan Brunei Darussalam di samping memberikan kesedaran tentang pentingnya kesihatan mental. Program ini turut diserikan oleh kakitangan Hospital Limbang dan PKB Limbang.



CERAMAH 'JOM NGOPI, JOM NGETEH' (26 SEPTEMBER 2023)



Pada 26 September 2023, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental mengadakan Ceramah 'Jom Ngopi, Jom Ngeteh' pada waktu rehat tengahari di Bilik Mesyuarat Hospital Limbang. Ceramah ini dianjurkan sempena Bulan Kesihatan Mental dan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia. Ia dan dihadiri oleh kakitangan Hospital Limbang dan PKB Limbang.



AKTIVITI/PROGRAM



KURSUS PERAWATAN ASAS KECEMASAN (BASIC LIFE SUPPORT) ANJURAN JAWATANKUASA BASIC LIFE SUPPORT, HOSPITAL LIMBANG (26 - 27 SEPTEMBER 2023)

Pada 26 & 27 September 2023 bertempat di Dewan PGA Limbang seramai 25 orang peserta telah berjaya mengikuti Kursus Perawatan asas Kecemasan yang terdiri daripada kakitangan Hospital Limbang, kakitangan OMC (One Medicare) dan Pengawal Keselamatan.



CME DAN BEDSIDE TEACHING UNTUK PPP HOSPITAL LIMBANG (11 OKTOBER 2023)



AKTIVITI/PROGRAM



MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(9 - 13/10/2023)



Perasmian Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerja Hospital Limbang Oleh Timb.Pengarah Dr Nurain Binti Yahya



Pameran-Pameran Dari Unit Kualiti, Farmasi Dan Unit Kejuruteraan



PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT
"X - BREAK"

MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
PERINGKAT HOSPITAL LIMBANG

Tema :
"Persekitaran Kerja Yang Selamat dan Sihat Merupakan Hak Asasi"
Theme :
"A Safe and Healthy Working Environment-A Fundamental Right"

TARIKH : 9-13 OKTOBER 2023

HOSPITAL LIMBANG

PERSEKITARAN

PROGRAM "WEIGHT LOSE CHALLENGE"
SEPANJANG TAHUN 2023 HOSPITAL LIMBANG



Johan Kategori 1



Johan Kategori 3



AKTIVITI/PROGRAM

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN ISLAM PERUBATAN (PERKIP) CAWANGAN LIMBANG SESI 2024-2025 BERSAMA PERWAKILAN DARI PERKIP PUSAT (24 OKTOBER 2023)



KURSUS PENGURUSAN DIABETIK ANJURAN JABATAN PESAKIT LUAR DI BILIK MESYUARAT HOSPITAL LIMBANG (25 OKTOBER 2023)



WORLD PATIENTS SAFETY DAY WORLD HAND HYGIENE ANTIMICROBIAL RESISTANCE (19 SEPTEMBER 2023)



AKTIVITI/PROGRAM



BENGKEL PENDEDAHAN PROGRAM AKREDITASI MENGIKUT STANDARD 6th EDITION MSQH PERINGKAT HOSPITAL LIMBANG DI DEWAN KEMAS LIMBANG (7-8/11/2023)



Pembentangan Self Rating Dari PIC standard



Penceramah Jemputan Dari JKN Sarawak



Penceramah Jemputan Dari Unit Akreditasi MGH

Aktiviti Jelajah Malam



AKTIVITI/PROGRAM

FIRE DRILL (27 NOVEMBER 2023)



“

Objektif: Peningkatan kesedaran keselamatan dan simulasi evakuasi dalam kesiapan dalam menghadapi situasi kebakaran.



”



KURSUS PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN (PPK) TAHAP 1 (9 - 10 DISEMBER 2023)



AKTIVITI/PROGRAM

**PERTANDINGAN BADMINTON BEREGU LELAKI DAN BEREGU PEREMPUAN
TERTUTUP AHLI PERKIP DAN JEMPUTAN OMC 2023
(16 DISEMBER 2023)**




Pada 16 Disember 2023, PERKIP Cawangan Limbang telah menganjurkan pertandingan badminton beregu lelaki dan beregu perempuan tertutup untuk ahli PERKIP 2023 dan jemputan di kalangan kakitangan beragama Islam One Medicare (OMC) telah berjaya dilaksanakan. Pertandingan badminton ini melibatkan 16 pasukan lelaki dan 4 pasukan beregu perempuan dan telah diadakan di Dewan Badminton Kampung Patiambun, Limbang.



PERISTIWA

PENGUBAHSUAIAN DAPUR UNIT SAJIAN (1 JUN 2023)



Pada 01 Jun 2023, Unit Sajian telah membuat pengubahsuaian struktur selama tiga (3) bulan hingga 31 Ogos 2023 akibat kerosakan. Selama tempoh tersebut, diet pesakit disajikan melalui **perkhidmatan makanan secara 'outsource'**.



Gambar Pengubahsuaian Dapur Unit Sajian

Pengurusan Perkhidmatan Makanan (Penjagaan Kesihatan) secara Outsource:

- Penyediaan makanan oleh syarikat yang ditetapkan oleh kerajaan melalui sistem penghidangan berpusat.
- Dipantau oleh Pegawai dan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan di hospital dan institusi KKM.
- Ditujukan untuk pesakit dalam, pesakit rawatan harian, MAC, dan anggota kesihatan yang layak di hospital dan institusi KKM.
- **Objektif:** Memastikan pengurusan penyediaan makanan selaras dengan teknologi terkini, efisien, dan berkesan.
- **Fokus:** keselamatan makanan, dan penyediaan makanan yang baik untuk membantu dalam proses pemulihan pesakit.



Gambar makanan diet pesakit

PERISTIWA



PERKHIDMATAN UNIT ENDOSKOPI HOSPITAL LIMBANG (7 OGOS 2023)

Perkhidmatan Endoskopi di Hospital Limbang telah bermula pada 07 Ogos 2023 dengan kehadiran penempatan tetap Pakar Pembedahan. Pada masa itu, prosedur tersebut dijalankan di Dewan Bedah dan menggunakan kekuatan tenaga kerja sedia ada. Pada 18 September 2023, unit tersebut telah berpindah ke bangunan lain. Unit tersebut mempunyai 2 jenis perkhidmatan iaitu *Oesophagogastroduodenoscopy* dan juga *Colonoscopy*. Fungsi Unit Endoskopi ialah menjalankan prosedur yang menggunakan endoskop untuk memeriksa bahagian dalam badan. Endoskop merupakan satu instrumen nipis seperti tiub dengan cahaya dan kanta untuk melihat keadaan dalaman seperti salur pencernaan yang terletak di antara esofagus dan usus kecil. Ia juga mempunyai alat khas bagi mengeluarkan tisu untuk diperiksa di bawah mikroskop bagi mengesan tanda-tanda penyakit manakala *Colonoscopy* merupakan prosedur yang melakukan pemeriksaan bahagian dalam keseluruhan usus besar.



PERISTIWA

PELANCARAN PATIENT SAFETY PERINGKAT HOSPITAL LIMBANG 2023 (17 SEPTEMBER 2023)




MAJLIS PERPISAHAN DR MERVYN IAN SIM PENG CHOW (29 SEPTEMBER 2023)

Majlis perpisahan Dr Mervyn Ian telah diadakan di ruang antara Klinik Mata dan Unit Radiologi pada 29 September 2023 pada pukul 11 pagi. Majlis dimulakan dengan ucapan dari Dr Pardheerajan wakil dari staff Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental. Pihak Pengurusan Hospital Limbang turut berasa bangga dengan kejayaan Dr Mervyn yang ditawarkan dalam bidang sub kepakaran "*Child Psychiatric*". Selesai ucapan, majlis diteruskan dengan acara memotong kek, pemberian cenderahati dan jamuan.



PERISTIWA


PENYERTAAN PERKIP CAWANGAN LIMBANG SEMPENA PERTANDINGAN SEPANDUK DAN PERARAKAN SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH LIMBANG TAHUN 1445H /2023 (29 SEPTEMBER 2023)



Pada 29 September 2023 bersamaan 12 Rabiulawal 1445H, PERKIP Cawangan Limbang telah menyertai Pertandingan Sepanduk dan Perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Limbang Tahun 1445H/2023. Seramai 33 orang dari kalangan anggota kesihatan Daerah Limbang telah menjayakan program ini. Turut hadir bersama adalah ahli keluarga kakitangan.




PENERIMAAN MESIN ULTRASOUND BARU UNIT RADIOLOGI, HOSPITAL LIMBANG (11 NOVEMBER 2023)



Hospital Limbang telah menerima sebuah mesin ultrasound yang baharu. Mesin ini menjalani pemeriksaan keseluruhan bersama wakil dari hospital, OMC dan wakil dari pembekal. Penambahan mesin ini akan membantu pihak hospital agar faedahnya dapat dinikmati oleh pesakit yang datang ke Hospital Limbang. Mesin yang sedia ada tetap dikekalkan dengan menggunakan Bilik X-ray lama sebagai tempat untuk menjalani pemeriksaan ultrasound. Ini akan mengurangkan masa menunggu pesakit untuk menjalani pemeriksaan ultrasound.

PERISTIWA

LAPORAN PENCAPAIAN HOSPITAL PERFORMANCE ACCOUNTABILITY (HPIA) 2023
(18 OKTOBER 2023)



TAHNIAH



Pada 18 Oktober 2023 Pengarah Hospital Dr Syed Satahkatulah Bin Mohamed Kalik telahpun menerima Sijil Penghargaan yang telah disampaikan oleh Dato' Dr. Asmayani binti Khalib Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pencapaian Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahun 2022. Hospital Limbang telah pun dianugerahkan sebagai kategori Hospital Pakar Minor:




Pencapaian ini menunjukkan komitmen yang tinggi daripada staf yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk memastikan HPIA tercapai mengikut standard atau target yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tahniah terutamanya kepada semua warga Hospital Limbang dan Unit Kualiti selaku urusetia bagi memantau pencapaian HPIA dan KPI Hospital Limbang

PERISTIWA

**HOSPITAL MANAGEMENT ASIA 2023
(5-6 SEPTEMBER 2023)**



Alhamdulillah & syukur, Director of Hospital Limbang given a golden chance by Medical Development Division (MOH) to attend International Conference Hospital Management Asia 2023 " **EMBRACING CHANGE FOR MORE EFFICIENT HEALTHCARE** " (Participated by 1100 + delegates from 29 countries). It's been an eye opener for all the participants to oversee Hospital Management as one entity across the Asia without prejudice . Private Government partnership one of way to close existing gap we have and to enhance our performance in providing gold standard healthcare for our public . SMART hospital 🏥 using AI no more fantasy and can be done with collaboration and commitment of stake holders. Changes might take time but with proper plans and strategies, speeds can be accelerated.

Malaysia have high potential being leading countries in Medical Tourism . The truth is Government facilities in MOH already have most advance technology & just need to expand . Many strategies been presented in HMA already been implemented in MOH . Vision and Mission of Embracing Change for More Efficient Healthcare only can be achieved if the insight been shared from top to bottom by involvement all level & stake holders.



PERISTIWA



HCW CHRISTIAN FELLOWSHIP CAROLING
(19 DISEMBER 2023)



“


Objektif: Menceriakan setiap pesakit dalam persiapan menyambut perayaan Hari Natal dengan mengangkat pujian Natal dan mendoakan serta menghulurkan sedikit sumbangan ikhlas kepada semua pesakit

”



PERISTIWA

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN
2022




TAHNIAH

Nama	Jawatan
MERVYN IAN SIM PENG CHOW	Pegawai Perubatan UD54
IVO REKHA SALWA BINTI SALAMMON	Pegawai Perubatan UD52
MUHAMAD SHAIRUL SHARIZAN BIN ZAKARIA	Pegawai Sains (Kaji Kuman) C44
AMANDA SHALINI PETER	Pegawai Perubatan UD48
ONG QI JUN	Pegawai Farmasi UF44
SALAMI UDAN	Jururawat U32
STEPHENIE LENNY AK. NICHOLAS BOYOK	Jururawat U32
RASHIDAH BINTI ABDUL RASHID	Jururawat U36
HANIPOL BIN AMAT @ HANIFAH BIN AHMAD	Juruteknologi Makmal Perubatan U32
THIEN SIAW LING	Jurupulih Perubatan Anggota U29

PERISTIWA

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN
2022




TAHNIAH

Nama	Jawatan
MARITHIONA BINTI MIJIM	Jururawat U29
ESTSABELLA ANAK TABOK	Jururawat U29
SITI WARDAH BINTI HARUN	Jururawat U29
NURASHIKIN BINTI ABDUL RAHMAN	Juruteknologi Makmal Perubatan U29
UMI NURMIRRAH BINTI SAUFEE	Penolong Pegawai Farmasi U29
ALVY BINTI ANDREW	Penolong Pegawai Farmasi U29
CHRISTOPHER ANDING ANAK TADONG	Penolong Pegawai Perubatan U29
MASMARIANA BINTI RAMLI	Jururawat Masyarakat (TBK 13 Tahun) U24

PERISTIWA

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN
2022



TAHNIAH

Nama	Jawatan
ZULFA-NABILAH BINTI AWANG ANAK	Jururawat Masyarakat U19
NUR FARAH AIN BINTI RAMLEE	Pembantu Tadbir (P/O) N19
ROSIDAH BINTI AHMAD	Pembantu Perawatan Kesihatan U11
NORLIZA BINTI MATUSUP	Pembantu Perawatan Kesihatan U11
ROMNI BIN ABDUL HAMID	Pembantu Perawatan Kesihatan U11
SARIAH BINTI KATOL	Pembantu Perawatan Kesihatan u11
ADI BIN JURUT	Pemandu Kenderaan H11

KARYA

EXPERIENCE
(BY: SYAFIQ WADI)



In days of youthful zest and pep,
I took my first work step,
A journey to a new place,
To chase my dreams and embrace.

With heart full of hope and cheer,
I entered the workplace near,
A world of grown-ups so grand,
Where I'd learn and grow with the land.

The tasks were new and untried,
But I gave them my best stride,
With zeal and enthusiasm high,
I tackled each job with a sigh.

The colleagues were kind and warm,
They guided me through the form,
And taught me the ways of the trade,
As we worked together in shade.

The hours were long and the work was hard,
But I persevered with a yard,
For I knew that this was just the start,
Of a journey to a brighter part.

And though the days were not always bright,
I learned and grew with each new light,
And as I look back on that first sight,
I know that it was a beautiful sight.

So here's to that first work experience,
A time of growth and pure presence,
A stepping stone to a brighter scene,
Where I found my place, and made it clean.